

07/10/2002

FAM kini ada 14 akademi latihan remaja berbakat

Raja Ahmad Zainuddin

PADA ketika pegawai tertinggi Majlis Sukan Malaysia (MSN) menjadikan kelemahan pengurusan badan-badan sukan tanah air sebagai sasaran mereka, kita tiba-tiba dikejutkan dengan kes penggunaan dadah tiga pemain takraw dalam kontinjen Malaysia di Sukan Asia di Busan.

Apakah mereka tidak peka dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang mahu kita tingkatkan keyakinan dan semangat bagi mengembalikan semula kegemilangan sukan negara dan menjadikan Sukan Asia ke-14 itu sebagai cabaran untuk membuktikan bahawa kita mampu mencapai tahap kejayaan lebih gemilang?

Tetapi apa yang dapat saya perhatikan berlaku sebaliknya. Pegawai MSN sendiri mengambil kesempatan daripada ucapan bajet Perdana Menteri, bagi melepaskan geram, seolah-olah menunggu masa untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana badan sukan yang bermasalah daripada lebih mementingkan semangat untuk turun ke bawah menyampaikan nasihat Perdana Menteri.

Begitu jugalah dengan apa yang telah diucapkan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tae Keat yang sungguh mendukacitakan kami seluruh kerabat bola sepak, dengan gambaran yang begitu rendah terhadap skuad bola sepak negara. Lupakah beliau pasukan Brazil berada di Kuala Lumpur sebelum berlepas ke Piala Dunia, selain kelab Manchester United, Arsenal, Bahrin dan Arab Saudi yang turut bermain di Malaysia. Kedatangan pasukan Brazil adalah satu sejarah bola sepak tanah air.

Sesungguhnya, hanya mereka yang mengikuti perkembangan bola sepak faham senario sebenar. Kenapa tidak tanya apa telah berlaku kepada pasukan kebangsaan England, Sepanyol, Itali bahkan Belanda yang dalam Piala Dunia 2002 dan Jerman yang pernah tersingkir awal dalam Piala Eropah tahun 2000? Justeru janganlah membandingkan pasukan Maldives yang kita kalahkan di Sukan Asia sekadar bertaraf pasukan ladang atau kawasan parlimen seperti yang disebut oleh rakan saya di parlimen baru-baru ini. Kenapa beliau tidak mempersoalkan pasukan negerinya yang dipimpin oleh seorang tokoh terkemuka tiba-tiba turun ke divisyen dua?

Saya tertarik untuk mengulas kritikan seolah-olah Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang dipimpin oleh Sultan Ahmad Shah ketika ini terlalu pincang dan tidak ada perancangan jangka panjang selain hanya menumpukan penganjuran liga tempatan.

Mudah untuk menyalahkan kami dalam FAM kerana kegagalan bola sepak negara. FAM juga dituduh tidak ada visi pembangunan bola sepak untuk bersaing di peringkat dunia selain sudah hilang pedoman akibat dipengaruhi kepentingan pihak tertentu.

Saya juga terperanjat dengan dakwaan kononnya FAM sengaja memporak-perandakan program Akademi. Sambil memperlekehkan FAM kerana tidak bijak mengagihkan bajet pembangunan selain 'menyerang' status separuh masa Setiausaha Agung FAM sebagai punca FAM tiada sistem pengurusan profesional.

Tidak pernah terlintas di sanubari saya untuk memulakan 'perang terbuka' tetapi pada masa sama, saya tetap terpanggil untuk memperbetulkan beberapa tanggapan kurang tepat.

Perlu ditegaskan, FAM memang ada visi pembangunan bola sepak yang tergubal dan terancang. Cuma ia tidak dihebohkan. Kerana tak guna kita hanya menang sorak, dengan memukul canang keliling kampung, ketika hasil ingin dituai hanya menjelma dalam tempoh masa yang bukan singkat.

Saya merasakan tidak salah membuat kajian semula projek akademi yang

bermula pada 1995 selepas separuh tempoh perancangan, terutama jika wujud kekurangan dan kelemahan yang dikesan.

Perlu diingat, projek pembangunan bakat muda adalah satu proses dinamik, yang perlu dikaji dan disuntikkan elemen baru apabila keadaan memerlukan, bukannya terus kekal dengan satu konsep dari mula hingga akhir.

Antara penemuan utama mendorong pengisytiharan gagalannya projek itu ialah konsep menghimpunkan hanya lima pemain, bermula usia 13 tahun, dengan harapan mampu menukar mereka menjadi pemain berwibawa.

Daripada kajian, kaedah ini tidak sesuai. Dari segi psikologi, pemain-pemain muda 13 tahun, jauh daripada ibu bapa, tidak mampu mencecah kematangan terbaik. Selain itu, macam mana mereka mahu meraih pengalaman dan pendedahan menerusi perlawanan bola sepak kompetitif secara kerap jika hanya ada lima orang saja?

Kerana itulah, konsep akademi bola sepak dirombak. Ketika ini, FAM ada 14 akademi bola sepak negeri yang menghimpunkan seramai 20 hingga 25 pemain berusia 16 dan 17 tahun. Kelompok pemain ini berupaya menangani pendedahan dan mencapai kematangan menerusi latihan sistematik oleh jurulatih bertauliah.

FAM memutuskan supaya konsep akademi berasaskan sekolah diperkenalkan demi memastikan pembangunan pemain dari segi disiplin dan pembelajaran juga terlaksana.

Untuk pemain 13 hingga 15 tahun, pembangunan bakat mereka tidak diabaikan. FAM, menerusi kerjasama Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah menubuhkan 111 pusat Tunas Bolasepak dan Tunas Cemerlang untuk mengasuh pemain-pemain ini. Selain itu, pemain pilihan ditempatkan di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Bandar Penawar untuk diasuh secara langsung oleh jurulatih-jurulatih sepenuh masa FAM.

Program ini turut didokong Program Pembangunan Sistematik Tahun yang menggarap program pembangunan menyeluruh, dengan bantuan MSSM dan MSN, bermula dengan pemain di peringkat umur lapan tahun.

Jadi, macam mana yang dikatakan FAM tidak ada perancangan bakat pemain yang terancang dan tergubal? Memang hasilnya belum ada, tapi itulah namanya pembangunan. Proses tengah berlangsung, kita kena sabarlah sedikit.

Seperkara lagi, janganlah dipermudah perolehan RM30 juta setahun dengan Bajet Pembangunan. Saya percaya setiap pengurusan persatuan bola sepak negeri tahu dan faham. Daripada angka itu, hampir RM22 juta adalah subsidi kepada pasukan dalam Liga Malaysia selain insentif dan wang hadiah bagi setiap kejohanan. Untuk persiapan pasukan-pasukan kebangsaan daripada peringkat senior hinggalah bawah 12 tahun, peruntukan diperlukan hampir RM4 juta setahun.

Peruntukan untuk projek pembangunan merangkumi subsidi Akademi Bolasepak Negeri, pengendalian Liga Akademi, Karnival di Sabah dan Sarawak memerlukan lebih RM3 juta setahun. Itu belum lagi mengambil kira keperluan asas seperti bajet pentadbiran, jawatankuasa kecil dan sebagainya.

Demikianlah lebih kurang pecahan Bajet FAM. Ada desakan supaya subsidi tahunan setiap persatuan negeri ditambah. Angka RM30 juta memang nampak besar, tapi bila diagihkan kepada semua aspek bola sepak negara, tidak hairanlah mengapa Bajet FAM ada kalanya mencatat defisit.

Selain itu, MSN dan Majlis Olimpik Malaysia secara terbuka mengakui bahawa FAM adalah satu-satunya persatuan sukan di negara ini ditadbir paling profesional.

Bagi penggulungan, apa yang penting dan perlu ialah kerjasama semua pihak. Kita perlu kikis perasaan iri hati ataupun dendam biarpun jika kita pernah tersisih. Yang penting kita sama-sama menoleh ke hadapan bagi memartabatkan bola sepak negara sebagai sasaran sekurang-kurangnya 15 tahun dari sekarang.

